



**PERANAN DANA ZAKAT DALAM MENYOKONG BANTUAN BANK
MAKANAN KETIKA KRISIS BENCANA**

***THE ROLE OF ZAKAT FUNDS IN SUPPORTING FOOD BANK
ASSISTANCE DURING DISASTER CRISIS***

MOHAMMAD AMIR WAN HARUN

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: amirwan@usm.my

MASTURA ABD WAHAB

(Corresponding Author)

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: masturawahab@student.usm.my

JASNI SULONG

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: jasni@usm.my

FAISAL HUSEN ISMAIL

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: faisalhu@usm.my

AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 71800, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar
Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Email: ahmadsyukran@usim.edu.my

MOHD SHAHID AZIM MOHD SAUFI

Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan
Kedah, Malaysia. Email: azimsaufi@uitm.edu.my

ALI IMRAN SINAGA

Fakultas Tarbiah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia.
Email: aliimransinaga@uinsu.ac.id

WAFDI AUNI MOHAMED

Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Malaysia.
Email: wafdiauni@zakatpenang.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 26TH AUG. 2025; REVISED – 25TH FEB. 2026; ACCEPTED – 2ND MAR. 2026)

ABSTRAK

Dana zakat merupakan salah satu instrumen penting dalam sistem kewangan Islam yang berfungsi membantu golongan asnaf dan masyarakat yang memerlukan, khususnya ketika berlaku bencana, pandemik, dan krisis kemanusiaan. Dalam konteks ini, bank makanan muncul sebagai mekanisme yang pantas dan berkesan bagi mengagihkan bantuan makanan kepada mangsa terjejas. Namun, struktur agihan zakat tradisional sering menghadapi kekangan dari segi penyelarasan dengan inisiatif kecemasan seperti bank makanan, menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan dengan segera. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis peranan dana zakat dalam menyokong operasi bank makanan ketika bencana dan krisis, serta menilai potensi kerjasama strategik antara institusi zakat, masjid, NGO dan komuniti setempat. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur dan temu bual separa berstruktur bersama pengendali bank makanan di Malaysia. Hasil kajian mencadangkan model bank makanan bantuan bencana di masjid yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan bantuan. Antara item bantuan termasuk makanan asas, minuman, kit kebersihan, peralatan tidur, pakaian, kelengkapan ibadah dan keperluan perubatan. Kajian menegaskan bahawa institusi zakat perlu melenturkan birokrasi agihan agar dana zakat dapat disalurkan dengan lebih cepat, teratur, dan patuh syariah. Kesimpulannya, pemerkasaan peranan dana zakat dalam menyokong bank makanan bukan sahaja mempercepatkan agihan bantuan, malah memperkukuh fungsi sosial zakat dalam menangani cabaran semasa.

Kata Kunci: asnaf; zakat; bank makanan; bencana; maqasid syariah.

ABSTRACT

Zakat funds are one of the key instruments in the Islamic financial system that serve to assist the needy (*asnaf*) groups and communities in need, particularly during disasters, pandemics, and humanitarian crises. In this context, food banks have emerged as a fast and effective mechanism for distributing food aid to affected victims. However, the traditional structure of zakat distribution often faces constraints in coordinating with emergency initiatives such as food banks, resulting in delays in delivering assistance. Therefore, this study was conducted to analyze the role of zakat funds in supporting food bank operations during disasters and crises, as well as to assess the potential for strategic collaboration between *zakat* institutions, mosques, NGOs, and local communities. The study employed a qualitative approach through literature analysis and semi-structured

interviews with food bank operators in Malaysia. The findings propose a disaster relief food bank model at mosques, functioning as collection and distribution centers for aid. Among the proposed items are basic food supplies, beverages, hygiene kits, bedding, clothing, worship essentials, and medical needs. The study emphasizes that zakat institutions should reduce bureaucratic constraints so that zakat funds can be channeled more quickly, systematically, and in compliance with shariah. In conclusion, strengthening the role of zakat funds in supporting food banks not only accelerates the distribution of aid but also enhances the social function of zakat in addressing contemporary challenges.

Keywords: asnaf, zakat, food bank, disaster, maqasid shariah.

PENGENALAN

Bencana alam boleh berlaku disebabkan faktor semula jadi atau buatan manusia (Mansor et al., 2023). Menurut Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2.0, bencana bermaksud “suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblerangan sumber yang ekstensi” (Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, 2013: 2). Ketika bencana berlaku, mangsa amat memerlukan bantuan makanan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang mempunyai dimensi sosial yang luas. Ia bukan sahaja berperanan dalam membasmi kemiskinan, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen fiskal dalam sistem kewangan Islam (Mohamed & Mohd Sufian, 2021; Yusoff, 2006). Semasa berlakunya bencana dan krisis seperti pandemik COVID-19, banjir besar, tanah runtuh, dan kebakaran, keperluan terhadap agihan zakat yang pantas dan efektif menjadi semakin kritikal (Othman et al., 2019; Mohamed & Mohd Sufian, 2021). Dalam hal ini, bank makanan telah muncul sebagai satu inovasi sosial yang berfungsi memberikan bantuan makanan secara sistematik kepada golongan yang terjejas. (Mohd Aris et al., 2021; Laman Rasmi Muhibbah Food Bank, 2022; Food Aid Foundation, 2023).

Walaupun bank makanan dilihat sebagai saluran yang berpotensi besar dalam agihan bantuan kecemasan, agihan zakat di sebahagian negeri masih terikat dengan struktur pentadbiran tradisional (Mohd Khalid & Wahid, 2020). Ketidaksesuaian antara prosedur agihan zakat dan keperluan mendesak dalam situasi kecemasan menyukarkan bantuan disalurkan dengan segera. Di samping itu, wujud kekangan kerjasama antara institusi zakat dan pengendali bank

makanan sedia ada dalam mengagihkan bantuan kecemasan kerana ketiadaan garis panduan yang jelas (IFRC & RCS, 2018). Maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti potensi dana zakat dalam menyokong operasi bank makanan ketika bencana dan krisis di Malaysia.

AGIHAN DANA ZAKAT KEPADA MANGSA BENCANA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Zakat merupakan suatu bentuk dana kewangan Islam yang wajib ditunaikan oleh umat Islam serta wajib diagihkan kepada 8 golongan asnaf seperti yang disebut dalam Surah Al-Tawbah ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang bendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Tawbah, 9:60)

Ayat ini menjadi asas kepada 8 golongan yang berhak menerima agihan zakat. Penerima zakat terdiri daripada golongan yang lemah, terpinggir, dan memerlukan seperti fakir, miskin, orang berhutang, musafir, hamba yang ingin membebaskan diri, serta golongan yang baru memeluk Islam. Zakat juga diagihkan kepada amil sebagai pengurus dan untuk kepentingan di jalan Allah.

Terdapat dua pandangan utama berkaitan hukum agihan dana zakat kepada mangsa bencana. Pertama, menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negeri Terengganu pada tahun 1988, mangsa banjir tidak dianggap tergolong dalam mana-mana daripada lapan kategori asnaf zakat (Mohammad Alwi & Wahid, 2020). Keputusan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang memutuskan bahawa golongan tersebut tidak termasuk dalam senarai penerima zakat yang sah menurut syarak, melainkan mereka dalam kategori fakir dan miskin (Minit Mesyuarat Kali Pertama, Penggal Pertama, 15 Jamadil Akhir 1408 / 24 Januari 1988) (Hassan et al., 2016; Mohammad Alwi & Wahid, 2020). Selain itu, didapati Lembaga Zakat Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut memperuntukkan dana zakat tunai secara *'one-off'* kepada asnaf, orang miskin dan

muallaf yang tergolong dalam mangsa banjir di negeri-negeri tersebut (Laman Rasmi Zakat MAINPP, 2025; Laman Rasmi Lembaga Zakat Selangor, 2025).

Pandangan kedua, ulama' seperti Al- Syāfi'e (1961: 72) menyatakan bahawa golongan yang ditimpa musibah ini layak menerima agihan zakat berdasarkan kerugian yang dialami bagi menampung hutang yang ditanggung. Jika mereka tidak berhutang, mereka layak menerima agihan zakat asnaf fakir dan miskin. Hal ini juga dinyatakan dalam Irsyad Hukum Ke-14: Hukum Memberi Zakat Kepada Mangsa Bencana Alam Seperti Banjir Dan Lain-Lain (2014), Mufti Wilayah Persekutuan menjelaskan bahawa sebahagian ulama berpendapat mangsa bencana yang mengalami kemusnahan harta benda dan memerlukan bantuan kewangan segera sehingga terpaksa berhutang untuk menyediakan keperluan asas tempat tinggal dan makanan diharuskan menerima zakat daripada kategori asnaf *al-gharimin* (golongan berhutang). Pendapat ini juga dijelaskan oleh Al-Syarqāwī (2015: 392) yang menyatakan bahawa *al-Gharimin* dikategorikan kepada dua, iaitu orang yang kehilangan harta dan sumber pencarian hidup serta orang yang ditimpa bencana alam seperti banjir, gempa bumi, ribut dan kebakaran. Namun begitu, keharusan ini diikat kepada hutang yang berkait rapat dengan keperluan mendesak atau keadaan darurat, dan bukanlah hutang bagi tujuan menikmati gaya hidup mewah atau akibat pemborosan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2014).

Dikiaskan kepada asnaf *al-gharimin*, maka mangsa bencana seperti banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, dan gempa bumi yang mengakibatkan kerosakan teruk pada kediaman, kemusnahan tanaman, serta kehilangan harta benda dibenarkan menerima bantuan zakat kerana kebiasaannya mereka akan menanggung hutang untuk mengembalikan kediaman dan harta benda kepada keadaan asal (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2014). Sabda Rasulullah SAW dari Qabīṣah ibn Makhālik al-Hilālī:

“Aku sedang menanggung sebuah beban (seperti hutang) lalu aku datang kepada Rasulullah SAW untuk bertanya kepada baginda tentangnya. Rasulullah menjawab: “Tunggulah sehingga ada orang datang kepada kami memberi sedekah. Aku akan menyuruh mereka bersedekah kepada engkau.” Kemudian Rasulullah menyambung: Wabai Qabīṣah, Sesungguhnya perkara ini (meminta sedekah), tidaklah ia halal kecuali terhadap salah satu daripada tiga sebab berikut. Seseorang yang memikul beban yang berat, maka dibalalkan baginya meminta sedekah sehingga dia dapat mencukupi dirinya sendiri, kemudian dia berhenti (dari meminta). Dan seseorang yang ditimpa musibah yang menghabiskan hartanya, maka dibalalkan baginya menerima

sedekah sehingga dia dapat mencukupi keperluan hidupnya. Dan seseorang yang ditimpa kesulitan sehingga disaksikan oleh tiga orang dari kaumnya: "Sungguh dia ditimpa kesulitan." Maka dihalalkan baginya sedekah sehingga dapat mencukupinya. Selain yang tiga ini, jika seseorang meminta sedekah, wahai Qabīṣah, adalah haram, peminta tersebut sama dengan orang yang memakan barang haram" (al-Muslim, Al-Jami' al-Ṣaḥīḥ, jil.5.1992:1730).

INISIATIF AGIHAN BANK MAKANAN DARIPADA SUMBER ZAKAT

Dana zakat mempunyai keunikan tersendiri berbanding sumber bantuan lain kerana ia adalah kewajipan agama yang berterusan. Hal ini membolehkan dana dikumpulkan secara konsisten dan tidak bergantung kepada sumbangan sukarela semata-mata. Kajian oleh Zainal et al. (2019) menyatakan bahawa pada tahun 2019, LZNK telah memperuntukkan sebanyak 11 juta bagi program bank makanan yang merangkumi 574 buah masjid di Kedah, bagi menampung 17,220 keluarga fakir dan miskin yang memerlukan akses kepada makanan setiap bulan.

Ketika pandemik COVID-19 melanda, ramai rakyat yang terjejas di mana mereka menghadapi krisis makanan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tidak membenarkan rakyat keluar bekerja dan mencari makan. Melalui pendekatan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf (ZIWAF), bantuan dapat disalurkan kepada golongan rentan yang terjejas akibat krisis makanan. Golongan ini mengalami kekurangan akses kepada makanan mencukupi, kehilangan peluang mendapatkan makanan berkualiti, serta tekanan kewangan akibat kenaikan harga makanan yang mendadak. Pendekatan ZIWAF dengan demikian berperanan penting dalam memastikan mereka memperoleh bekalan makanan asas yang memadai, sekali gus mengurangkan risiko berlakunya krisis kebuluran. Kajian di Perlis oleh Asni (2021) menunjukkan bahawa institusi zakat, khususnya Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs), telah melaksanakan inisiatif penyaluran zakat dalam bentuk bantuan kepada golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Dalam pelaksanaan tersebut, beberapa kategori asnaf, termasuk al-Gharimun, dijadikan asas pertimbangan penting bagi memastikan pengagihan zakat disalurkan secara sah dari sudut syariah serta menepati keperluan mendesak masyarakat yang terjejas.

Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut melaksanakan inisiatif penyaluran zakat kepada individu yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sepanjang Mac hingga Mei 2020, LZS telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 juta bagi bantuan makanan bulanan, yang memberi manfaat langsung kepada

5,782 orang fakir dan 9,060 orang miskin di negeri tersebut. Inisiatif ini bukan sahaja memperlihatkan kecekapan institusi zakat dalam menguruskan krisis, malah membuktikan keupayaan zakat untuk berfungsi sebagai instrumen kebajikan yang responsif terhadap cabaran sosio-ekonomi semasa (Shaharin et al., 2021).

Kesimpulannya, sebuah Model Bank Makanan Bantuan Bencana di Masjid amatlah diperlukan dan dilaksanakan di seluruh masjid yang berdekatan dengan kawasan yang sering dilanda bencana bagi memudahkan bantuan awal diberikan kepada mangsa-mangsa bencana dalam situasi mendesak.

KEPENTINGAN BANTUAN BANK MAKANAN DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Bank makanan memainkan peranan penting sebagai mekanisme penyampaian bantuan makanan kepada golongan yang terjejas oleh ketidakseimbangan sosial dan bencana, termasuk dalam situasi pandemik atau gangguan ekonomi. Secara asasnya, bank makanan bertindak sebagai institusi bajet sosial yang mengumpul lebih makanan dari pelbagai sumber dan mengagihkannya kepada golongan miskin, asnaf dan mereka yang menghadapi ketidakamanan makanan (*food insecurity*). Dalam konteks Malaysia, pelan tindakan bank makanan kebangsaan juga sedang dirangka untuk memperkukuh jaringan keselamatan sosial melalui kerjasama antara kerajaan, NGO, sektor swasta dan komuniti, sambil menyokong objektif kelestarian dan pengurangan pembaziran makanan menjelang 2030 (Bernama, 2025).

Bank makanan bukan sahaja membantu mengurangkan isu kelaparan harian, tetapi juga menyediakan sokongan penting kepada komuniti semasa krisis seperti banjir, pandemik atau kehilangan pekerjaan. Model bank makanan secara efektif boleh mengurangkan beban kos hidup dengan memastikan akses kepada makanan berkhasiat kepada mereka yang kurang bernasib baik, serta mengurangkan pembaziran makanan di peringkat masyarakat dan peruncit. Keaktifan program bank makanan Malaysia yang bermula sejak 2019 telah memberi manfaat kepada lebih sejuta ketua isi rumah dan menyelamatkan ribuan tan lebih makanan melalui rangkaian keselamatan makanan (Bernama, 2025). Dalam rangka maqasid syariah, terdapat beberapa objektif utama yang secara langsung terlibat dengan fungsi bantuan bank makanan:

1. *Hijz al-Nafs* (Pemeliharaan Nyawa)

Bank makanan membantu memastikan golongan terpinggir mendapat akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat, sekali gus melindungi nyawa daripada ancaman penyakit, kelaparan dan kekurangan nutrisi. Konsep ini seiring

dengan kerangka maqasid syariah yang menekankan keperluan makanan sebagai hak asas manusia dan satu bentuk penjagaan terhadap kesejahteraan masyarakat. Kajian dalam konteks maqasid syariah menunjukkan bahawa keselamatan makanan dan kualiti makanan adalah asas kepada pemeliharaan nyawa dan kesihatan komuniti (Hashim et al., 2022).

2. *Hijz al-Māl* (Pemeliharaan Harta)

Bank makanan juga berperanan dalam mengurangkan pembaziran makanan oleh masyarakat dan perniagaan, yang bermaksud menggunakan sumber secara cekap dan bertanggungjawab. Ini merendahkan beban ekonomi keluarga berpendapatan rendah kerana mereka dapat mengurangkan perbelanjaan untuk makanan, sekaligus mengekalkan kestabilan kewangan keluarga. Usaha menghubungkan bank makanan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), seperti *Zero Hunger* (Kelaparan Sifar) (SDG 2) dan pengurangan ketidaksamaan, turut selari dengan prinsip pengurusan sumber dalam maqasid syariah yang menekankan keadilan dan keberkesanan sumber (Rofiq & Khusnudin, 2025).

3. *Hijz al-Din* (Pemeliharaan Agama)

Pengagihan makanan yang halal dan *ṭayyib* (baik dan berkualiti) adalah penting dari perspektif Islam. Bank makanan yang mematuhi prinsip halalan tayyiban bukan sahaja memenuhi syarat syarak, tetapi juga membina keyakinan penerima bantuan bahawa makanan tersebut bebas dari sebarang elemen yang haram atau syubhah. Konsep *Islamic food bank* menggariskan perlunya struktur halal yang jelas dan pengurusan yang mematuhi prinsip syariah untuk mengoptimumkan manfaat sosial secara adil dan telus (Maulana et al., 2025).

4. *Hijz al-‘Aql* (Pemeliharaan Akal)

Capaian kepada makanan yang selamat dan berkualiti juga menyumbang kepada pemeliharaan akal dengan mengelakkan penyakit yang berpunca daripada makanan yang tercemar.

5. *Hijz al-Nasl* (Pemeliharaan Keturunan)

Bank makanan yang selamat dan berkualiti juga menyumbang kepada pemeliharaan keturunan dalam memastikan generasi baru mendapat nutrisi yang mencukupi untuk tumbesaran yang sihat.

Secara kesimpulannya, bank makanan adalah instrumen penting dalam sistem perlindungan sosial moden dan pemeliharaan maqasid syariah. Ia bukan sahaja menangani isu asas kelaparan dan ketidaksamaan, tetapi juga membantu menggalakkan keadilan sosial, pengurusan sumber yang bertanggungjawab dan pemeliharaan keselamatan makanan secara menyeluruh. Pendekatan bank makanan halal yang berasaskan masjid atau institusi Islam menambah dimensi

syariah yang kuat, dengan integrasi nilai halalan tayyiban dan objektif maqasid yang memastikan kesejahteraan masyarakat terpelihara dalam setiap aspek.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui dua kaedah pengumpulan data:

1. Kajian kepustakaan melibatkan analisis terhadap sumber rujukan buku-buku feqah berkaitan zakat, artikel jurnal berkaitan zakat, dan dokumen dasar berkaitan bank makanan.
2. Temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan secara separa berstruktur. Sejumlah 5 agensi merangkumi (12 telah ditemubual secara berkumpulan dalam masa berlainan yang terdiri daripada tiga agensi pengendali bank makanan serta 2 agensi pengurusan bantuan makanan semasa bencana di Malaysia seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Agensi dan informan bagi temu bual kumpulan berfokus

| Bil | Agensi | Informan | Kod Agensi |
|-----|------------------------------------|--|------------|
| 1 | Food Aid Foundation (FAF) | 1. Pengasas 2. Pengurus Besar | Inf.01 |
| 2 | JAWI Food Bank (JFB) | 1. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid (BPM) 2. Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam (1) 3. Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam (2) | Inf.02 |
| 3 | Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | 1. Pengarah, Bahagian Kebajikan Produktif 2. Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Pengurusan Krisis dan Bencana 3. Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pengurusan Krisis dan Bencana Cawangan Pengurusan Krisis dan Bencana | Inf.03 |
| 4 | Muhibbah Malaysia Food Bank (MMFB) | 1. Pengasas | Inf.04 |


| | | | |
|---|--|---|--------|
| 5 | Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Logistik 2. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Komuniti Dan Sosial (SPKS) 3. Pegawai Tadbir (Kontrak), Seksyen Pembangunan Komuniti Dan Sosial (SPKS) | Inf.05 |
|---|--|---|--------|

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dibincangkan seperti berikut:

Model Bank Makanan Bantuan Bencana di Masjid

Peranan dana zakat dan NGO bank makanan amat penting bagi menyokong pelaksanaan bank makanan bantuan bencana di masjid. Hal ini dirumuskan dalam sebuah model sepertimana dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Bank Makanan Bantuan Bencana di Masjid

Model ini menggambarkan aliran pengurusan bantuan bencana melalui integrasi tiga aktor utama: (i) institusi zakat negeri sebagai penyedia dana, (ii) NGO serta masyarakat setempat sebagai penggerak lapangan, dan (iii) institusi masjid sebagai pusat agihan. Peranan masjid dalam model ini adalah strategik

kerana ia berfungsi sebagai nodal hub yang menyelaras dana zakat, sumbangan NGO, dan penglibatan komuniti sebelum diagihkan kepada mangsa bencana.

Kelenturan Birokrasi Zakat

Dapatan temu bual mendapati bahawa keberkesanan model bank makanan bantuan bencana di masjid sangat bergantung kepada kelenturan birokrasi zakat. Agensi Inf.01 menegaskan bahawa kelewatan kelulusan dana zakat sering menghambat kelancaran agihan. Oleh itu, mekanisme pra-peruntukan dana zakat perlu diwujudkan agar bantuan dapat disalurkan dalam tempoh kritikal 24 jam pertama pasca-bencana (Inf.01, komunikasi peribadi, 4 November 2024). Hal ini selari dengan tuntutan maqasid syariah, khususnya aspek *hifz al-nafs* (penyelamatan nyawa) yang menuntut kebersegeraan dalam tindakan.

Selain menekankan aspek kebersegeraan, model ini juga mencerminkan pendekatan bersepadu yang melibatkan kerjasama erat antara agensi zakat negeri, institusi masjid, NGO, dan komuniti setempat dalam menangani kecemasan akibat bencana alam. Hal ini menonjolkan peranan masjid bukan hanya sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat kebajikan masyarakat yang menyantuni pelbagai kategori penerima. Inf.02 berpendapat bahawa dana zakat boleh disalurkan bukan sahaja kepada kategori asnaf tradisional, tetapi juga kepada mangsa bencana yang memenuhi ciri-ciri asnaf, termasuk golongan fakir, miskin, dan *al-gharimin* (Inf.02, komunikasi peribadi, 5 November 2024). Justeru, kolaborasi antara institusi zakat, NGO bank makanan, dan pengurusan masjid berpotensi membentuk satu model bank makanan masjid yang lebih menyeluruh dan berkesan dalam memberikan manfaat kepada semua mangsa bencana.

Sinergi Pengurusan Bank Makanan dan Agensi Zakat

NGO bank makanan amat mengalukan dana zakat dalam pengurusan bank makanan bantuan bencana. Dana zakat tersebut perlulah diperuntukkan dan diluluskan segera bagi membolehkan pengurusan dan agihan bantuan makanan kepada mangsa bencana dibuat dengan pantas dan tersusun. Hal ini bagi memastikan segala keperluan mangsa bencana dapat diuruskan demi menjaga kemaslahatan semua mangsa bencana. Agensi yang diwakili oleh Inf.02 mempunyai jawatankuasa yang terdiri daripada 3 orang ahli bagi setiap masjid yang mempunyai bank makanan. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Imam, Bilal dan Naqib yang menguruskan hal ehwal pengurusan bank makanan di setiap masjid (Inf.02, komunikasi peribadi, 5 November 2024). Bagi model ini, ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid (JPM) bagi pengurusan bank makanan terdiri daripada seorang pegawai masjid, seorang wakil Pusat Zakat Negeri dan

seorang wakil NGO bank makanan. JPM ini merancang dan memutuskan langkah seterusnya dalam penyediaan bantuan, khususnya dalam mengaktifkan fungsi bank makanan di Masjid. Penstrukturan JPM penting untuk diwujudkan sebagai mekanisme tadbir urus bersepadu. Struktur ini mengelakkan pertindihan kuasa dan memastikan kelancaran komunikasi antara AJK. Dana daripada pusat zakat dan agensi-agensi bank makanan boleh disalurkan kepada tabung masjid dan diuruskan oleh pegawai masjid bersama JPM yang dilantik dan bertindak sebagai orang tengah yang menyelaras segala bentuk bantuan dan komunikasi antara institusi zakat, NGO-NGO bank makanan dan masyarakat awam.

Keperluan Utama Mangsa Banjir

Dapatan juga menzahirkan bahawa keperluan mangsa bencana tidak sekadar terbatas pada bantuan makanan asas. Kesemua agensi menekankan keperluan kepada bantuan bukan makanan seperti kit kebersihan diri, tilam, peralatan solat, pakaian, serta kelengkapan perubatan asas. Hal ini menunjukkan bahawa bank makanan tidak boleh difahami secara literal semata-mata sebagai penyedia makanan, tetapi perlu diluaskan kepada konsep bank bantuan asas (*basic relief bank*). Perkara ini disokong oleh kesemua agensi (Inf.01, komunikasi peribadi, 4 November 2024; Inf.02, komunikasi peribadi, 5 November 2024; Inf.03, komunikasi peribadi, 27 Januari 2025; Inf.04, komunikasi peribadi, 7 November 2024; Inf.05, komunikasi peribadi, 14 November 2024).

Berdasarkan kenyataan temu bual 5 agensi tersebut, analisis terhadap data merumuskan bentuk-bentuk dan kategori-kategori bantuan kepada mangsa bencana seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Bentuk bantuan dan kategori bantuan kepada mangsa bencana

| Kategori Bantuan | Bentuk Bantuan | Sokongan |
|------------------------|--|--|
| Makanan Asas | Makanan kering, makanan segera, makanan retort, makanan siap dimasak | Inf.01, Inf.02, Inf.03, Inf.04, Inf.05 |
| Air dan Minuman | Air mineral, susu bayi, susu dewasa | Inf.01, Inf.04, Inf.05 |
| Kit Kebersihan | Sabun, berus gigi, tuala wanita, lampin pakai buang, kit kebersihan diri | Inf.03, Inf.05 |
| Peralatan Tidur | Tilam, bantal, selimut, foam mat | Inf.01, |

| | | |
|--|---|-------------------|
| | | Inf.03 |
| Kelengkapan Ibadah | Telekung, sejadah | Inf.03 |
| Peralatan Perubatan | Kerusi roda, ubat-ubatan asas, alat sokongan pernafasan, minyak angin | Inf.03, Inf.04 |
| Pakaian | Pakaian baharu, pakaian dalam | Inf.04, Inf.05 |
| *Kesemua agensi bersetuju bahawa bantuan makanan panas merupakan keperluan kritikal pada fasa awal bencana (0–7 hari). | | |

Secara teorinya, model yang dikemukakan pada awal dapatan kajian ini adalah selari dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan penjagaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-mal*), akal (*hifz al-aql*) dan keturunan (*hifz al-nasl*). Justeru, peranan dana zakat dalam bank makanan bukan sahaja bersifat kebajikan *ad hoc*, tetapi juga mencerminkan sistem kebajikan Islam yang responsif, terancang, dan strategik dalam menangani bencana.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa penggunaan dana zakat dalam menyokong operasi bank makanan ketika bencana dan krisis merupakan suatu inovasi sosial yang strategik dan berimpak tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa zakat, yang asalnya difahami sebagai instrumen ibadah dengan fungsi ekonomi dan sosial, mampu diperluaskan peranannya sebagai medium pantas untuk menyalurkan bantuan kecemasan khususnya kepada golongan asnaf yang terjejas. Hal ini terbukti apabila dana zakat disalurkan melalui kerjasama bersama pengendali bank makanan, institusi masjid dan komuniti setempat, sekali gus memperkukuh peranan masjid sebagai pusat agihan bantuan bersepadu. Walaupun terdapat cabaran dari sudut pentadbiran tradisional zakat dan kekangan garis panduan, pendekatan kolaboratif yang lebih sistematik dan patuh syariah dilihat dapat mempercepatkan proses agihan, mengurangkan birokrasi, dan memastikan bantuan berbentuk makanan serta keperluan asas lain sampai segera kepada mangsa. Justeru, artikel ini menegaskan keperluan mewujudkan garis panduan khusus serta kerangka kerjasama strategik antara institusi zakat, NGO dan agensi kerajaan agar pengurusan bantuan lebih cekap, berkesan, dan relevan dengan cabaran semasa. Kesimpulannya, pemeraksanaan dana zakat dalam konteks bank makanan bukan sahaja memperkukuh fungsi sosial zakat, malah membuktikan bahawa instrumen kewangan Islam ini berupaya menjadi tonggak

utama dalam sistem pengurusan bencana berasaskan prinsip-prinsip maqasid syariah, iaitu menjaga kebajikan dan kelangsungan hidup masyarakat.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Tajuk penyelidikan adalah: Model Bank Makanan Bantuan Bencana Halalan Toyyiban (BMBHT) di Masjid sebagai Penggerak Balas Pertama (First Responder) dalam Mengurangkan Risiko Kesan Bencana Alam. Kod projek: FRGS/1/2023/SSI13/USM/03/1.

RUJUKAN

- Al-Nisabūri, Abū Husain al-Muslim Ibn al-Hajaj al-Qusyairy (1992). *Al-Jāmi' al-Ṣāhih*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Al-Syāfi'e, Muḥammad Ibn Idrīs. (1961M). *Al-Umm*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt.
- Al-Syarqāwī, Abdullah Hijazi Ibn Ibrahim. (2015). *Hāsyiah al-Syarqawi' Alā Tuhfab al-Ṭullāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Quran (Diterjemahkan oleh Abdullah Muhammad Basmeih.). (2023). <https://myquran.us/TranslationBySurah/64/1/1>
- Asni, F. (2021). Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs Ketika Covid-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2), 1-13.
- Bernama. (2025, Disember 8). Pelan tindakan Food Bank Kebangsaan dilancar 2026. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/759797/berita/semasa/pelan-tindakan-food-bank-kebangsaan-dilancar-2026?utm_source=chatgpt.com
- Food Aid Foundation. (2023). *Laporan Tabunan Food Aid Foundation 2023*. <https://foodaidfoundation.org/annual-report/>
- Maulana, H., Akmalia, R., & Sabila, M. A. (2025). *Islamic Foodbank* Sebagai Solusi Ketidakamanan Pangan Perspektif Maqashid Syariah Jamaluddin Athiyyah. *CITIZEN: Jurnal Ilmiah Multidisiplin Indonesia*, 5(2), 580-589. DOI: 10.53866/jimi.v5i2.743
- Hassan, M. K. (2016). Role of Islamic Social Finance in Disaster Management in Muslim Societies. *Islamic Economic Studies*, 24(1), 1–24.
- International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies. (2018). Case study: The Transformative Power of International Zakat. www.ifrc.org.
- Hashim, K. E., Mohammad, N., & Abdul Halim, A. H. (2022). Kepentingan Keselamatan Makanan Semasa Pandemik Covid-19: Pandangan daripada Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Management and Muamalah*, 12(1), 46-54.

- Inf.01. (2024, November 4). Transkrip Temu Bual. [Transkrip tidak diterbitkan].
- Inf.02. (2024, November 5). Transkrip Temu Bual. [Transkrip tidak diterbitkan].
- Inf.03. (2025, Januari 27). Transkrip Temu Bual. [Transkrip tidak diterbitkan].
- Inf.04. (2024, November 7). Transkrip Temu Bual. [Transkrip tidak diterbitkan].
- Inf.05. (2024, November 14). Transkrip Temu Bual. [Transkrip tidak diterbitkan].
- Laman Rasmi Muhibbah Food Bank Society. (2022). <https://muhibbahfoodbankmalaysia.com/>
- Lembaga Zakat Negeri Selangor. (2025). <https://www.zakatselangor.com.my/bantuanbanjir/>
- Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). (2025). <https://www.zakatpenang.com/27-september-2024-majlis-sumbangan-zakat-kepada-mangsa-banjir-mainpp/>
- Majlis Keselamatan Negara. (2013). *Arabian No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara*. Kuala Lumpur: Majlis Keselamatan Negara.
- Rofiq, M. A., & Khusnudin. (2025). Integration of Maqashid Shariah Values and SDGs in Food Management: A Qur'an-Based Conceptual Study. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 6(1), 118-133. <http://dx.doi.org/10.47700/jiefes.v6i1.10121>
- Mohamed, M. I., & Mohd Shafiai, M. H. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(4), 37-55.
- Mohammad Alwi, M. F., & Wahid, H. (2020). Peranan Institusi Zakat ketika Pandemik COVID-19. In H. Wahid & M. A. Mohd Noor (Eds.). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Covid-19*. (Edisi Pertama, pp. 33-56). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aris, N., Mohamed @ Daud, N., & Abas, S. A. (2021). Inisiatif Bantuan Makanan Dalam Menangani Ketidakselamatan Makanan Akibat Pandemik Covid-19 Oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Dan Institusi Zakat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 1-11.
- Mohd Khalid, M. S., & Wahid, H. (2020). Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran Pasca COVID-19. In H. Wahid & M. A. Mohd Noor (Eds.). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Covid-19*. (Edisi Pertama, pp. 57-70). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2014, Disember 10). Irsyad Hukum Ke-14: Hukum Memberi Zakat Kepada Mangsa Bencana Alam Seperti Banjir dan Lain-Lain. Daripada <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2054-14>
- Nawi, A., Yusof, M. R., Bukhari, N., Mohd Nasir, M. A., Mat Yusoff, M. Y., Abd Rahman, M. A., & Azhar, A. (2023). Kajian Tinjauan Program Food Bank Di Negeri Kedah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 27-38.
- Shaharin, N. S., Bhari, A., Mohamed Yusof, M. F., & Yaakob, M. A. Z. (2021). Analisis Agihan Zakat Di Lembaga Zakat Selangor Semasa Pandemik

COVID-19. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 1(1), 1-10.

Yusoff, M. B. (2006). Fiscal Policy in an Islamic Economy and the Role of Zakat. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 14(2), 29.

Zainal, H., Mustaffa, M. F., & Othman, Z. (2019). Zero Hunger and Sustainable Development Goals: Model of Food Bank Centre By Lembaga Zakat Negeri Kedah. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2), 85-90.